

Beli komputer melalui Ceriaton

Archival News | Utusan Malaysia | 27/02/2001 | Author: MARZITA ABDULLAH

SEKOLAH Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Bandaraya di Kuala Lumpur - yang tidak mahu ketinggalan dalam arus perdana sekolah bestari - menganjurkan program Ceriaton bagi mencukupkan dana membeli 20 buah komputer.

Pihak sekolah sehingga kini masih belum mempunyai kemudahan komputer bagi proses pengajaran dan pembelajaran.

"...yang adapun (komputer) untuk kegunaan pejabat," kata pengetuanya, Suwarni Hassan.

"Oleh kerana tidak mahu ketinggalan dalam pelaksanaan sekolah bestari terpaksa mencari dana sendiri," ujarnya.

Di bawah program Ceriaton, para pelajar akan mencari sumbangan untuk menampung tabung Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG).

"Wang akan digunakan untuk menyokong penubuhan bilik multimedia," katanya.

Menurut Suwarni, sebanyak 20 buah komputer diperlukan bagi mengisi bilik multimedia itu nanti.

Program Ceriaton akan berakhir pada Mac ini dan kemuncaknya ialah Hari Anugerah Cemerlang SMKBB yang akan mengumumkan jumlah kutipan sepanjang program itu dan pelajar yang paling banyak membuat kutipan.

SMKBB mempunyai kira-kira 1,100 pelajar daripada tingkatan satu hingga lima.

Yang Dipertua PIBG SMKBB, Abu Hanipah Pandak Yahya berkata, wang persatuan belum cukup untuk membeli kelengkapan peralatan komputer. Sumbangan daripada syarikat-syarikat swasta untuk membantu.

"Setakat ini kita mendapat sokongan daripada Telekom Malaysia ...namun kita memerlukan lebih banyak lagi," ujarnya.

Pengurus Besar Sumber Manusia Telekom Malaysia, Ismail Nordin berkata, pihaknya menyokong inisiatif yang dilakukan SMKBB dan bertindak menjadi pelengkap dalam merealisasikan usaha itu.

Program Ceriaton dirasmikan wakil Ketua Eksekutif Telekom, Noriah Mohd Yusof di sekolah itu.

Sempena pelancaran tersebut, para pelajar, guru serta wakil Telekom mengadakan gotong-royong mengecat bangunan, menanam pokok dan membersihkan saluran.

(Source : Utusan Malaysia)